

03/12/1997

Sidang setuju rujuk cadangan Malaysia

hariah Jaafar; Wan Sabariah Shikh Ali; Faizal Fadzil
KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri-menteri Kewangan Asean bersetuju untuk merujuk cadangan Malaysia untuk mewujudkan pasaran khusus bagi mata wang kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, perkara itu dianggap baru dan walaupun Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang akan membuat kajian mengenai pasaran berkenaan jika ia ingin dijadikan satu bentuk urus niaga maka WTO adalah badan yang bertanggungjawab untuk mewujudkannya.

"Ia adalah sesuatu yang dianggap masih baru dan kami terpaksa merujuk pada WTO bagi mendapatkan ulasan segera sebelum saya boleh membuat cadangan bahawa Asean atau Asean Campur Enam mempertimbangkannya pada peringkat kemudian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama di akhir Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean dan Asean Campur Enam, yang berlangsung selama dua hari di sini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata disebabkan perdagangan antarabangsa maka ia patut dikawalselia oleh prinsip, dasar dan peraturan oleh WTO.

Anwar berkata, Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, menyatakan bahawa kajian yang dibuat dijangka siap pada Februari, walaupun dalam sidang akhbar terdahulu Camdessus yakin ia dapat disiapkan lebih awal.

Ketika mengulas lebih lanjut mengenai kajian berkenaan, Anwar dalam sidang akhbar berasingan dengan wartawan tempatan berkata antara maklumat yang perlu disediakan oleh IMF ialah siapa yang menguasai pasaran mata wang, mengapa tiada ketelusan dan mengapa hanya beberapa negara yang mempunyai suara dan kuasa untuk menentukan peraturan di dalam badan antarabangsa itu.

"Kita mahu maklumat mengenai siapa yang mempunyai kuasa dan dikuasai, kita mahu ketelusan, kalau ada peraturan mengapa hanya diterima pakai oleh Amerika sahaja dan bukan negara lain, dan yang terakhir apakah tidak mungkin kita turut mencadangkan beberapa kaedah dan peraturan supaya ia tidak menjadi beban, sebaliknya boleh menjadi pemangkin kepada ekonomi," katanya.

Berikutan itu Anwar berkata, Malaysia akan membawa cadangan ini kepada WTO secara berasingan.

(END)